

**PERHIMPUNAN BULANAN IBU PEJABAT  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA  
BAGI BULAN MEI 2014**

**TRANSKRIP UCAPAN KETUA PENGARAH :  
YANG AMAT SETIA  
DATO' WAN MOHD NOR BIN HAJI IBRAHIM**

**30 MEI 2014**

**DISEDIAKAN OLEH :  
BAHAGIAN PEMBANGUNAN  
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

YAS Dato' Hj. Amer bin Hj. Yusof

Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

YS Dato' Yusof bin Sidek

Penolong Ketua Pengarah

Bahagian Pembangunan, Merangkap Hos Perhimpunan Bulanan pada pagi ini.

Penolong-Penolong Ketua Pengarah, Pengarah-Pengarah Bahagian, pegawai-pegawai kanan Jabatan, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Sebelum saya memulakan ucapan, saya ingin mengambil kesempatan mewakili seluruh warga Jabatan untuk mengucapkan salam takziah atas kemangkatan Sultan Perak, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Azlan Shah Muhibbudin Shah Ibni Almarhum Sultan Yussuf Izzuddin Shah Ghafarullahu-Lah. Dalam masa terdekat ini juga kita telah kehilangan beberapa pegawai, anggota dan bekas Pegawai Kanan Jabatan yang lebih awal menghadap Ilahi. Justeru, marilah kita sama-sama sedekahkan Al-Fatihah semoga Almarhum

dan arwah ditempatkan dikalangan orang-orang yang beriman manakala bagi yang bukan muslim, mohon bertafakur mengikut kepercayaan masing-masing. AL-FATIHAH....

Alhamdulillah, dipanjatkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala lantaran izin dan rahmatNya jua dapat kita berkumpul pada pagi yang indah ini bagi mengadakan Perhimpunan Bulanan peringkat Ibu Pejabat bagi bulan Mei 2014.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Bahagian Pembangunan selaku hos bagi perhimpunan bulanan kali ini. Sebagaimana biasa, perhimpunan ini adalah untuk menyampaikan input dan perkembangan terkini program-program utama peringkat Kementerian dan Jabatan disamping merapatkan hubungan erat antara Bahagian, Cawangan serta Unit-unit di Ibu Pejabat.

Dua perkara signifikan telah berlaku kepada Jabatan sepanjang bulan Mei 2014. Yang pertama **Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia Tahun 2014** yang telah diadakan pada 4 Mei 2014. Saya ingin mengambil kesempatan untuk sekali lagi mengucapkan selamat menyambut Hari Anggota Bomba kepada seluruh warga Jabatan serta merakamkan jutaan penghargaan dan terima kasih atas sumbangan dan komitmen tuan-tuan dan puan-puan dalam

menjayakan program sambutan tersebut. Tema sambutan tahun ini 'INOVATIF DAN INTEGRITI PEMACU TRANSFORMASI' adalah seiring dengan agenda nasional yang memfokuskan kepada 3 prinsip utama iaitu ke arah **negara berpendapatan tinggi, kemampanan dan keterangkuman**. Prinsip-prinsip ini telah diperjelaskan dalam strategi-strategi bagi Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan juga perancangan Malaysia lima tahun sepanjang RMKe-10. Inisiatif ini juga memenuhi hasrat Jabatan untuk menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi yang menuntut komitmen seluruh warga Jabatan dalam membuat perubahan bagi memenuhi pelbagai ekspektasi masyarakat yang lebih terbuka dan pintar yang sentiasa menuntut perkhidmatan terbaik daripada kita. Ianya bukan mudah, namun tidak juga mustahil untuk dilaksanakan.

Satu perkara lagi, tanggal **4 Mei 2014** telah mencatat sejarah yang amat bermakna apabila **YAB Timbalan Perdana Menteri telah melancarkan secara rasmi penubuhan pasukan Bomba Bantuan**. Ekoran itu, satu peraturan yang dinamakan **Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Bomba (Pegawai Bomba Bantuan) 2014** telah diluluskan dan telah **berkuatkuasa mulai 7 Mei 2014**. Ini bermakna, Jabatan boleh mula merekrut Pegawai Bomba Bantuan untuk ditempatkan di balai-balai khusus di seluruh negara. Saya menggesa agar semua Bahagian-Bahagian terlibat seperti Operasi, Latihan, Sumber Manusia dan Pembangunan untuk bersama-sama

menggembleng idea dan usaha dalam memastikan kelancaran inisiatif ini. Jabatan juga amat berharap agar perlantikan anggota Bomba Bantuan yang akan menjadi sebahagian daripada perjawatan dalam Jabatan dapat membantu menyelesaikan isu kesukaran Jabatan dalam mendapatkan perjawatan baru.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Rancangan Malaysia Ke Sepuluh (RMKe-10) telah pun memasuki fasa terakhir *rolling plan* iaitu **rolling plan keempat bagi tahun 2014-2015** dan kini kita dalam persediaan memasuki Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) bagi tempoh 2016-2020. Seperti mana kita sedia maklum, tempoh RMKe-10 ini adalah amat kritikal bagi meneruskan kesinambungan inisiatif nasional ke arah merealisasikan Wawasan 2020 menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi.

Untuk mendokong dan meneruskan aspirasi negara menjadi sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi, sepanjang tempoh ***rolling plan pertama hingga rolling plan ketiga*** iaitu dari **2011-2013**, pihak Kerajaan telah meluluskan peruntukan kepada Jabatan sebanyak **RM 745** juta bagi menampung perbelanjaan projek-projek sambungan RMKe-9 dan projek-projek baru dalam RMKe-10. Dalam 3 *rolling plan* terdahulu, Jabatan telah diluluskan 3 buah balai Bomba baru (Jalan

Tun Razak Kuala Lumpur, Kijal Terengganu dan Beluran Sabah), sebuah ibu pejabat (W.P. Labuan), 200 unit FRT, 200 unit EMRS, 100 unit *water tanker* serta beberapa peralatan kebombaian seperti kelengkapan PPE, *portable pump* dan kenderaan Pasukan Bomba Sukarela. Pada tahun **2014** ini pula, Unit Perancang Ekonomi (EPU) telah meluluskan 8 buah projek balai Bomba baru dan sebuah ibu pejabat (Kedah) disamping projek-projek sambungan dengan peruntukan sebanyak **RM 201,786,200.00**. Manakala bagi **2015** yang merupakan tahun akhir RMKe-10, Jabatan telah mengemukakan permohonan **189 projek baru** melibatkan kos projek keseluruhan sebanyak **RM 1.48 billion** dan peruntukan tahun 2015 sebanyak **RM 475 juta**. Justeru, saya amat berharap projek-projek sambungan dan baru yang telah diluluskan dapat dilaksanakan secepat mungkin. Bahagian Pembangunan hendaklah memantau dan turun padang bagi melihat sendiri perkembangan di tapak dan membantu menyelesaikan masalah supaya tidak berlaku kelewatan yang mengakibatkan projek sakit dan akhirnya gagal dilaksanakan mengikut jadual.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Untuk berjaya, kita perlu **berani berfikir di luar dari kotak pena'kulan yang lazim**. Kita tidak boleh terperangkap dengan

\* **Pena'kulan** – Perbuatan membuat pertimbangan dan penilaian dengan logik

sindrom penjara sejarah supaya tidak menyebabkan berlakunya kegagalan tindakan yang dirancang dan ingin dilaksanakan. Jika dulu, kita lihat pembinaan balai-balai Bomba bersaiz besar melebihi keperluan sebenar dan pemilihan lokasi yang tidak sesuai sama ada aspek bentuk topografi yang merumitkan pembinaan atau jarak yang berjauhan dari kawasan berisiko, kini sudah tiba masanya kita merubah pendekatan. Perkembangan sosio budaya telah banyak berubah dan kita hendaklah terus meningkatkan daya saing bagi merealisasikan sebuah organisasi berprestasi tinggi. Jabatan perlu melihat, menilai dan mengambil peluang-peluang yang ada di luar ruang lingkup Jabatan. Sebagai contoh, kita tidak lagi boleh mengharapkan projek balai-balai baru diluluskan secara konvensional oleh agensi pusat sebaliknya kita mengeksploitasi sumber dan peluang yang ada seperti **tukar guna tanah (landswap)** secara *in kind return*, **pengubahsuaian lot-lot kedai**, dijadikan **syarat wajib dalam pembangunan** berskala besar serta pembinaan secara **gotong-royong**.

Pendekatan ini perlu digembleng secara terancang selaras dengan usaha Jabatan untuk mewujudkan **150 buah balai baru** secara berperingkat mulai tahun **2013-2020 bagi menempatkan anggota Bomba Bantuan** sebagaimana kelulusan Kabinet. Jabatan akan terus memberi tumpuan kepada penyediaan prasarana untuk menyokong keperluan operasi kebombaian disamping memastikan kemudahan

fasiliti Jabatan dalam keadaan optimum. Pelaksanaan **Garis Panduan Penyelenggaraan Aset Tak Alih JBPM** mulai 2013 akan menjadi rujukan dan panduan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) dalam menguruskan aset tak alih Jabatan merangkumi mekanisma pelaksanaan program penyelenggaraan meliputi fasa perancangan, pelaksanaan dan pasca pelaksanaan. Usaha ini bertujuan untuk memastikan semua bangunan dan aset tak alih Jabatan sentiasa berada dalam keadaan baik dan beroperasi seperti mana ianya direkabentuk. Bagi tujuan tersebut, Jabatan telah membelanjakan sebanyak **RM 24 juta sepanjang tahun 2012-2013** manakala sebanyak **RM 18 juta** diperuntukkan pada tahun **2014** bagi membiayai program penyelenggaraan **297 premis** aset tak alih Jabatan diseluruh negara.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Proses transformasi Kerajaan menuntut kepada transformasi Jabatan bagi menyokong wawasan nasional untuk muncul sebagai negara berdaya saing di peringkat global. Kerajaan telah mengambil langkah *transformational* untuk meneruskan lonjakan momentum dalam RMKe-11 yang merupakan fasa akhir plan hala tuju pembangunan negara menjelang tahun 2020. Untuk tujuan ini, Jabatan kita bersama-sama pihak Kementerian, pihak swasta, akademia dan

pemimpin masyarakat telah terlibat secara langsung dalam **Kumpulan Perancang Antara Agensi (IAPG)** dan **Kumpulan Kerja Teknikal (TWG)** bagi mengenal pasti isu, dasar, strategi dan program bawah RMKe-11. Pada dasarnya, **RMKe-11** akan dirangka dengan berpaksikan kepada 6 teras iaitu :

- TERAS 1 : Merekayasa Pertumbuhan Ekonomi;**
- TERAS 2 : Memperkasa Pemacu Pertumbuhan;**
- TERAS 3 : Memanfaat Bakat;**
- TERAS 4 : Mengarusperdana Pengurusan Sumber Asli dan Alam Sekitar;**
- TERAS 5 : Memperkukuh Pembangunan Inklusif; dan**
- TERAS 6 : Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat.**

Dalam usaha memantapkan sistem tadbir urus sektor awam, Kerajaan telah menetapkan pelaksanaan perakaunan akruan bagi pengurusan kewangan dan perakaunan Kerajaan Persekutuan bermula tahun 2015. Pelaksanaan **perakaunan akruan** adalah sejajar dengan Dasar Transformasi Sektor Awam dalam Model Baru Ekonomi bertujuan memantapkan pengurusan fiskal berhemat serta mempertingkatkan kecekapan pengurusan kewangan. Kerajaan pada masa kini mengamalkan asas **perakaunan tunai ubahsuai** iaitu satu kaedah perakaunan yang **mengiktiraf dan merekod sesuatu urusaniaga apabila tunai diterima atau dibayar** dalam tempoh

perakaunan tersebut. Di bawah kaedah ini, perbelanjaan aset tidak dipermodalkan dan liabiliti tidak dilaporkan di dalam penyata kewangan, segala perbelanjaan akan menggunakan peruntukan tahun semasa dan **pembayaran dibuat sehingga bulan Januari tahun berikutnya**. Namun, berbeza dengan perakaunan akruan yang mengiktiraf dan **merekodkan urusan niaga pada masa urusan niaga berlaku**. Di samping itu, semua aset dan liabiliti juga diperakaunkan di bawah perakaunan akruan. Semua urusan niaga tersebut dilaporkan di **penyata kewangan bagi tempoh tahun kewangan yang sama**.

Untuk tujuan ini, saya difahamkan Bahagian Pembangunan bersama Bahagian Kewangan bertungkus lumus sejak dari awal tahun 2014 dalam memastikan semua aset alih dan tak alih Jabatan didaftarkan dan dikemaskini bagi tujuan mendapatkan baki awal pelaksanaan akruan. Untuk makluman, Kerajaan membelanjakan sebanyak **RM 265** juta bagi mewujudkan sistem perakaunan akruan ini yang setakat ini telah diaplikasi di **12 buah negara-negara maju**.

Dato'-Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan hadirin yang dihormati sekalian,

Sebelum saya mengakhiri ucapan pada pagi ini, dengan merujuk semangat Piala Dunia Brazil yang akan bermula bulan depan, bolehlah saya kiaskan kejayaan untuk merealisasikan sebuah

organisasi berprestasi tinggi kepada analogi sebuah pasukan bolasepak yang berjaya. Kesemua pemain daripada pasukan tersebut tanpa mengira posisi, perlu bekerjasama serta bermain sebagai satu pasukan. Jika tidak, mereka bukan sahaja tidak mungkin menang malahan boleh kalah teruk. Setiap pemain bermula daripada penjaga gol, pertahanan, pemain tengah dan penyerang adalah sama pentingnya. Maka yang demikian, untuk berjaya, kita perlu bekerja sebagai satu pasukan yang seia, sekata, sebaris, sederap dengan satu wawasan, satu matlamat dan satu citra, mempersembahkan yang terbaik kepada masyarakat dengan segala kudrat yang termampu.

YAB Perdana Menteri semasa sambutan **Hari Pekerja pada 1 Mei** yang lepas juga telah menggariskan **6 prinsip** dalam sebuah pentadbiran perkhidmatan awam iaitu :

- i. Penjawat awam tiang seri Negara;**
- ii. Kepentingan budaya ilmu;**
- iii. Kebolehpercayaan;**
- iv. Amalan terbaik;**
- v. Semangat patriotik; dan**
- vi. Keberhasilan *output* daripada *input*.**

Ini adalah prinsip-prinsip penting untuk terus memperkukuhkan perkhidmatan awam. Kita mestilah melakukan yang terbaik untuk

masyarakat, maknanya ekspektasi masyarakat, sebuah perkhidmatan yang menjanjikan perkhidmatan yang memudahkan, cepat, lebih *transparent* dan lebih responsif kepada masyarakat.

Dikesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk mengucapkan selamat bertanding dan berjaya kepada kontingen PSKK Ibu Pejabat ke **Sukan Bomba Malaysia (SUKBOM) 2014** di Johor pada **6 hingga 11 Jun depan**. Tingkatkan disiplin dan berjuanglah dengan penuh semangat kesukanan.

Akhir sekali, Jabatan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai yang baru dinaikkan pangkat. Semoga perlantikan tersebut menjadi perangsang dan pendorong kepada tuan-tuan untuk terus komited terhadap tugas yang diamanahkan.

Sekian, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.